

07 APR 2001

DR MAHATHIR JUMPA BIRO POLITIK UMNO KELANTAN

KOTA BAHARU, 7 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengakhiri lawatan seharinya ke Kelantan hari ini dengan mengadakan perjumpaan tertutup dengan Biro Politik tiga peringkat Umno Negeri Kelantan malam ini.

Perdana Menteri menghadiri perjumpaan dengan Biro Politik Umno bahagian, Pergerakan Pemuda dan Wanita itu selepas jamuan malam di Dewan Umno Negeri Kelantan di sini.

Yang turut hadir pada perjumpaan yang berakhir pukul 10 malam itu ialah Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed dan Setiausaha Umno Kelantan Datuk Ahmad Rosli Ibrahim.

Beberapa pemimpin Umno Negeri Kelantan kemudiannya turut mengiringi Dr Mahathir yang juga Presiden Umno ke Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa dekat sini untuk berlepas pulang ke Kuala Lumpur dengan sebuah pesawat khas pada pukul 10.30 malam.

-- BERNAMA

BD LAT